

# 4 PROJEK FPP TINGKATKAN MINAT MEMBACA

FAKULTI Pengajian Pendidikan (FPP) menggerakkan empat projek utama untuk meningkatkan minat dan budaya membaca di kalangan pelajar serta masyarakat.

Perkara ini diumumkan oleh Dekan FPP, Prof Madya Dr Kamariah Abu Bakar semasa berucap pada Majlis Penyerahan Khazanah Ilmu kepada wakil anak-anak Kem Wardieburn dan asrama anak yatim Darul Izzah.

Katanya FPP menggerakkan kumpulan pertama yang dikenali Iqra' Dot Com. Kumpulan ini bertanggung jawab menyediakan bahan-bahan bacaan dan aktiviti pembacaan melalui laman web.

Laman web ini membolehkan para pelajar membuat capaian dan terlibat secara interaktif dalam pembacaan mereka.

Manakala kumpulan kedua yang diberitahu oleh Dr Kamariah ialah

Taman Ilmu. Katanya kumpulan ini bertanggung jawab membangunkan pengetahuan keluarga (k-family) mengenai hal-hal yang berkaitan.

“Pakar-pakar ini telahpun mengadakan sesi kaunseling dengan pelajar serta ibu bapa bagi membantu meningkatkan budaya membaca dikalangan ahli keluarga,” kata Dr Kamariah merujuk kepada kumpulan yang terdiri daripada pakar kaunseling itu.

Selain itu, beliau tidak menafikan untuk menjadi pembaca yang sihat ia perlu memiliki fizikal yang juga sihat. Dengan itu fakulti tersebut telah menubuhkan kumpulan yang terdiri daripada pakar pendidikan jasmani.

Mereka ini turut memberi sumbangan dalam mempertingkatkan kecergasan mental dan fizikal pelajar melalui aktiviti riadah dan rekreasi.



Dr. Kamariah Abu Bakar

Seterusnya kumpulan terakhir menurut Dr Kamariah ialah *The Read Rangers*. Kumpulan yang mirip kepada pasukan beruniform ini menjalankan aktiviti yang berteraskan konsep pembacaan.

“*The Read Rangers* akan dijadikan satu pertubuhan yang menjadi tempat rujukan untuk pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dan dalam masa yang sama memupuk disiplin serta adab membaca di kalangan mereka,” jelas Dr Kamariah. - **HM RUSDY**